

H0272101 WA1321490625 09/12/2021 15:04:41

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYSIA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN RAYUAN DAN KUASA-KUASA KHAS)

TSP120 .....16.00 x 1  
Jumlah Kes-kuasa-khas \*\*\*\*\*16.00

PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO. \_\_\_\_\_

Dalam perkara laporan atau pengesyoran yang disediakan oleh Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia;

Dan

Dalam perkara Artikel-Artikel 5, 8 dan 10 Perlembagaan Persekutuan;

Dan

Dalam perkara Akta Rahsia Rasmi 1972;

Dan

Dalam perkara Seksyen 25(2) dan/atau Jadual, Akta Mahkamah Kehakiman 1964;

Dan

Dalam perkara Aturan 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan/atau bidang kuasa sedia ada Mahkamah;

Antara

**NORHAYATI BINTI MOHD ARIFFIN**

**(NO. K/P: 730225-10-5992)**

**...PEMOHON**

Dan

**1. MOHD RUSSAINI BIN IDRUS**

**(NO. K/P: 770330-09-5163)**

**2. KERAJAAN MALAYSIA**

**...RESPONDEN-RESPONDEN**



S/N 8PrkGUfukW6mx04EeJkKA

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

---

**PERNYATAAN MENURUT ATURAN 53 KAEDAH 3(2), KAEDAH-  
KAEDAH MAHKAMAH 2012**

---

**I Pengenalan**

1. Pemohon adalah seorang warganegara Malaysia dengan alamat penyampaian di C33, Jalan Padang Behor, 01000 Kangar, Perlis. Dia adalah isteri kepada Amri Che Mat (“**Amri**”).
2. Responden Pertama adalah Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis.
3. Responden Ke-2 adalah Kerajaan Malaysia.

**II Fakta-fakta Material**

4. Pada 18.11.2019, Pemohon telah memfailkan satu tuntutan melalui Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Guaman Sivil No. WA-21NCvC-79-11/2019 terhadap beberapa pegawai awam dan Kerajaan Malaysia (“**Guaman Sivil**”).
  - 4.1 Tuntutan itu tertumpu kepada kegagalan Defendan-Defendan dalam Guaman Sivil tersebut untuk menyiasat secara berkesan kes penculikan Amri yang berlaku hampir tengah malam pada 24.11.2016.
  - 4.1. Butir-butir dan perihalan mengenai kekurangan dalam penyiasatan yang dijalankan oleh Defendan-Defendan adalah dinyatakan di perenggan 42 dari Pernyataan Tuntutan yang diekshibitkan dalam Afidavit Sokongan Pemohon bagi permohonan semakan kehakiman ini.
5. Sebelum pemfailan tuntutan itu, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (“**SUHAKAM**”) telah memulakan satu siasatan mengenai penculikan Amri



menurut seksyen 12 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (“**Siasatan SUHAKAM**”). Siasatan tersebut berakhir pada 06.03.2019.

6. Pada 03.04.2019, SUHAKAM mengeluarkan keputusannya mengenai siasatan awam itu (“**Laporan SUHAKAM**”). SUHAKAM pada hakikatnya mencapai kesimpulan bahawa berdasarkan bukti yang keterangan yang diberikan kepadanya, adalah lebih berkemungkinan daripada tidak bahawa Amri telah dijadikan subjek penculikan secara paksa oleh unit Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (“**PDRM**”). SUHAKAM juga membuat kesimpulan bahawa PDRM gagal menyiasat perkara itu secara berkesan.
  
7. Pada atau kira-kira pada 23.05.2019, selepas Laporan SUHAKAM dikeluarkan, Menteri Dalam Negeri (“**Menteri**”) telah mengumumkan bahawa Responden Ke-2 telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah pasukan petugas khas untuk menyiasat perkara-perkara yang dinyatakan dalam Laporan SUHAKAM. (“**Pasukan Petugas**”).
  - 7.1. Pada 26.06.2019, Menteri telah mengumumkan 6 anggota bagi Pasukan Petugas tersebut.
  - 7.2. Pada 02.07.2019, Menteri telah mengumumkan bahawa salah seorang anggota Pasukan Petugas, Datuk Mokhtar Mohd Noor secara sukarela menarik diri daripada Pasukan Petugas itu.
  - 7.3. Pada 10.07.2019, Defendan Ke-20 mengumumkan pelantikan dua anggota baru ke dalam Pasukan Petugas itu.
  - 7.4. Pada 10.12.2019, SUHAKAM mengumumkan bahawa ia masih menunggu laporan daripada Pasukan Petugas tersebut (“**Laporan**”) di mana mereka telah dimaklumkan akan disiapkan menjelang masa itu.



- 7.5. Pada 16.01.2020, Menteri mengumumkan bahawa Pasukan Petugas itu telah meminta lebih masa untuk menyiapkan Laporan tersebut. Beliau berkata Laporan tersebut akan siap dalam masa sebulan dan diserahkan kepadanya.
  - 7.6. Pada 30.08.2020, SUHAKAM telah menyeru agar Responden Ke-2 mengumumkan Laporan tersebut.
  - 7.7. Responden Ke-2 tidak menjawab permintaan ini secara terbuka.
8. Pada 25.05.2021, Pemohon telah memfailkan satu permohonan penzahiran menurut Aturan 24, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dalam Guaman Sivil itu agar Laporan itu didedahkan kepadanya.
- 8.1. Defendan-Defendan dalam Guaman Sivil itu telah memfailkan Afidavit Jawapan mereka pada 13.09.2021 (“**AJ**”).
  - 8.2. AJ itu telah diikrarkan oleh Responden Pertama. Buat pertama kalinya, Responden Ke-2 telah mengambil pendirian bahawa Laporan tersebut adalah rahsia rasmi di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (“**ARR**”).
  - 8.3. Responden Pertama dalam AJ tersebut tidak menyatakan asas ke atas yang mana Laporan tersebut, menurut Responden Pertama, adalah rahsia rasmi. Bagaimanapun, Responden Pertama menegaskan bahawa jika Laporan tersebut dizahirkan kepada orang ramai, ia akan bertentangan dengan kepentingan negara.
    - a. Ia tidak ditegaskan bahawa Laporan tersebut telah diklasifikasikan menurut seksyen 2B, ARR oleh pegawai awam yang diperakui di bawah seksyen itu, dan juga tidak ditegaskan bahawa Laporan tersebut seharusnya dianggap sebagai rahsia rasmi kerana Laporan itu termasuk dalam lingkungan Jadual itu dari ARR.



- b. Responden Pertama tidak menyatakan dalam AJ bahawa dia adalah pegawai awam yang diperakui di bawah seksyen 2B dari ARR. Tiada sijil yang dikemukakan di bawah seksyen 16A dari ARR yang memperakui Laporan tersebut sebagai rahsia rasmi.
- 8.4. Sebagai sokongan, Responden Pertama hanya mengekshibitkan satu mukasurat dari “Buku Daftar Surat-Rahsia Rasmi di Luar Jadual/Bawah Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972” (“**Buku Daftar**” tersebut). Mukasurat itu menyatakan bahawa Responden Pertama telah mengklasifikasikan Laporan tersebut sebagai “Sulit” pada 14.09.2020. Mukasurat tersebut selanjutnya tidak menjelaskan apa-apa tentang dasar klasifikasi itu.
- 8.5. Ia boleh disimpulkan daripada AJ bahawa Laporan tersebut dianggap sebagai rahsia rasmi di bawah Jadual itu.
- 8.6. Defendan-Defendan dalam Guaman Sivil itu tidak mengambil pendirian bahawa Laporan tersebut adalah tidak relevan. Responden Ke-2 di sini adalah Defendan Ke-21 dalam Guaman Sivil tersebut.
9. Pemohon teruk terjejas (“adversely affected”) dengan keputusan Responden-Responden untuk menganggap Laporan tersebut sebagai rahsia rasmi dalam pengertian ARR. Hakikat bahawa mereka menganggap Laporan tersebut seperti sedemikian hanya dimaklumkan kepada Pemohon pada 13.09.2021 melalui AJ.
10. Laporan tersebut mengandungi maklumat yang relevan kepada perkara-perkara yang berbangkit dalam Guaman Sivil tersebut dan seterusnya mengandungi maklumat yang secara tidak boleh dinafikan adalah demi kepentingan awam. Ia disediakan oleh Pasukan Petugas untuk merekodkan penemuan suatu siasatan terhadap penemuan yang dibuat oleh SUHAKAM dalam Laporan SUHAKAM.



- 10.1. Dalam laporan tersebut, SUHAKAM mendapati bahawa suami Pemohon telah diculik oleh ejen negeri dan bahawa PDRM gagal menyiasat perkara itu dengan berkesan.
- 10.2. Guaman Sivil itu bersangkutan dengan kegagalan PDRM untuk menyiasat penculikan suami Pemohon secara berkesan. Maklumat dalam Laporan tersebut adalah sangat relevan.
- 10.3. Oleh itu, Pemohon sepatutnya mempunyai akses kepada Laporan itu kerana ia bersangkutan dengan kelakuan PDRM berhubung dengan perkara yang mengelilingi kehilangan suaminya. Ini adalah penting kepada tuntutan dalam Guaman Sivil tersebut dan adalah penting untuk akses beliau kepada keadilan, suatu hak yang dijamin di bawah Perkara 5 dan 8, Perlembagaan Persekutuan.

### **III Alasan-alasan cabaran**

#### ***A. Keperlembagaan Jadual kepada ARR***

11. Pemohon menegaskan bahawa Jadual kepada ARR atau mana-mana bahagian daripadanya adalah tidak berperlembagaan kerana ia melanggar Artikel 10(1)(a) dari Perlembagaan Persekutuan.

#### **Rangka kerja di bawah ARR**

- 11.1. Istilah “rahsia rasmi” hanya diperkenalkan dalam ARR melalui Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1976 (“**Akta Pindaan**”) yang mula berkuat kuasa pada 01.01.1987.
  - a. Sebelum berkuatkuasanya Akta Pindaan tersebut, ARR tidak mengandungi frasa “rahsia rasmi”.



- b. Adalah menjadi satu kesalahan untuk, antara lain, mengambil apa-apa dokumen (seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2) dari “tempat larangan”. “Tempat larangan” ditakrifkan dalam seksyen 2.
- 11.2. Dengan berkuatkuasanya Akta Pindaan tersebut, istilah “rahsia rasmi” telah diperkenalkan dalam seksyen 2 bersama-sama dengan beberapa peruntukan lain dan Jadual itu.
- a. Terdapat dua kategori dokumen yang termasuk di bawah takrifan “rahsia rasmi” dalam seksyen 2.
- b. Kategori pertama adalah sebarang dokumen yang dinyatakan dalam Jadual itu dan sebarang maklumat dan bahan yang berkaitan dengannya. Jadual itu memperuntukkan:

*“Dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian Jemaah Menteri termasuk dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian jawatankuasa Jemaah Menteri;*

*Dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuk dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;*

*Dokumen berkenaan dengan keselamatan negara, pertabanan dan hubungan antarabangsa.”*

- c. Kategori kedua adalah dokumen-dokumen yang diklasifikasikan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad” oleh Menteri, Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang diperakui di bawah seksyen 2B.



- d. Seksyen 30A telah diperkenalkan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan untuk, antara lain, menetapkan cara mengklasifikasikan maklumat, dokumen dan bahan lain.
- e. Sehingga kini, tiada sebarang peraturan dibuat oleh Menteri. Tiada proses yang ditetapkan tentang cara bagaimana dokumen-dokumen diklasifikasikan sebagai “rahsia rasmi” di bawah Jadual itu.

#### Hak mendapat maklumat

- 11.3. Hak untuk mendapatkan maklumat adalah hak yang dijamin oleh perlembagaan di bawah Artikel 10(1)(a) dari Perlembagaan Persekutuan. Ia termasuk dalam skop hak kebebasan bersuara.
- 11.4. Oleh yang demikian, ia hanya boleh disekat atas alasan yang dinyatakan dalam Artikel 10(2)(a) yang merangkumi kepentingan dan keselamatan Persekutuan dan hubungan mesra dengan negara lain.

#### Dua perenggan pertama dalam Jadual

- 11.5. Dua perenggan pertama dalam Jadual itu tidak berkaitan dengan mana-mana alasan yang disebut dalam Artikel 10(2)(a) dari Perlembagaan Persekutuan.
  - a. Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat.
  - b. Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertanggungjawab kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing.





- c. Ahli-ahli Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah fidusiari bagi orang ramai dan memegang kuasa mereka atas amanah untuk faedah orang ramai.
- d. Tiada apa-apa asas dari segi undang-undang dan/atau fakta untuk mengklasifikasikan semua dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai rahsia rasmi.
- e. Orang ramai mempunyai hak untuk mengetahui perkara-perkara sedemikian dalam demokrasi penyertaan ('participatory democracy'). Walaupun terdapat asas untuk mengklasifikasikan beberapa dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai rahsia rasmi, satu larangan menyeluruh mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual itu adalah tidak seimbang.

11.6. Walau apa pun, ia adalah samar-samar dan tidak jelas, dan oleh itu menyinggung doktrin kekaburan ('vagueness') dan oleh itu melanggar Artikel 5 dan/atau 8 dari Perlembagaan Persekutuan.

- a. Ia adalah satu kesalahan jenayah untuk, antara lain, mendapatkan atau membekalkan rahsia rasmi dan memiliki rahsia rasmi.
- b. Oleh itu, takrifan "rahsia rasmi" mestilah tepat dan pasti tanpa ruang untuk kesamaran.
- c. Perenggan 1 dan 2 dari Jadual itu adalah samar-samar dan tidak memberi notis yang adil kepada orang tentang dokumen apa yang akan jatuh di bawah perenggan-perenggan tersebut.
- d. Tiada apa-apa proses yang ditetapkan untuk mengklasifikasikan atau memperakui dokumen-dokumen sebagai rahsia rasmi di bawah Jadual itu.



Perenggan ketiga dari Jadual

- 11.7. Perenggan ketiga adalah kabur dan oleh itu menyalahi Perkara 5 dan/atau 8 dari Perlembagaan Persekutuan. Ia tidak memberi notis yang adil kepada orang tentang dokumen apa yang termasuk di bawah perenggan tersebut.
- 11.8. Tiada apa-apa proses yang ditetapkan untuk mengklasifikasikan atau memperakui satu dokumen sebagai dokumen yang bersangkutan dengan “keselamatan negara, pembelaan dan hubungan antarabangsa”.
- 11.9. Larangan menyeluruh tanpa sebarang perlindungan adalah tidak seimbang.
12. Akibatnya, kata-kata “apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan yang berhubungan dengannya” di bawah seksyen 2, ARR dan seksyen 2A juga tidak berperlembagaan.

***B. Laporan tersebut bukan merupakan rahsia rasmi***

13. Selanjutnya dan/atau secara alternatif, dan tanpa mengurangkan hujahan di atas, Laporan tersebut bukanlah satu “rahsia rasmi” di bawah ARR.
- 13.1. Walaupun Jadual itu adalah sah (yang dinafikan), Laporan tersebut tidak termasuk di bawah mana-mana kategori dalam Jadual itu.
- a. Dalam AJ tersebut, Responden Pertama menegaskan bahawa jika Laporan tersebut didedahkan, ia akan menyinggung keselamatan negara.
- b. Laporan tersebut adalah bersangkutan dengan: pertamanya, kelakuan pegawai-pegawai awam PDRM dan cara mereka menjalankan tugas mereka berhubung dengan penculikan Amri; dan keduanya, penglibatan pegawai-pegawai PDRM dalam penculikan tersebut.



- c. Ini adalah perkara-perkara yang menyentuh kepentingan awam terutamanya berdasarkan penemuan yang dibuat oleh SUHAKAM dalam Laporan SUHAKAM.
  - d. Selanjutnya, Responden Ke-2 sendiri mengumumkan secara terbuka penubuhan Pasukan Petugas itu dan pelantikan ahli-ahlinya. Oleh itu Responden Ke-2 secara tersirat menerima bahawa Laporan tersebut adalah untuk kepentingan awam.
- 13.2. Sekiranya Laporan tersebut diklasifikasikan sebagai “Sulit” di bawah seksyen 2B dari ARR, Laporan tersebut adalah di luar skop seksyen tersebut.
- a. Seksyen tersebut tidak boleh dibaca dengan cara yang memberikan Menteri, Ketua Menteri atau pegawai awam yang dilantik budi bicara mutlak dalam mengklasifikasikan dokumen.
  - b. Perenggan 13.1 di atas diulang. Tiada asas dari segi undang-undang dan/atau fakta untuk mengklasifikasikan Laporan tersebut sebagai “Sulit”. Laporan tersebut tidak melibatkan keselamatan negara.
- 13.3. Atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, keputusan Responden Pertama untuk menganggap Laporan tersebut sebagai “Sulit” adalah menyalahi undang-undang, tidak rasional dan/atau tidak seimbang.
- 13.4. Selanjutnya, Pemohon mempunyai jangkaan yang sah bahawa Laporan tersebut akan didedahkan kepadanya.
- a. Laporan SUHAKAM mendedahkan bahawa suaminya telah diculik oleh pegawai-pegawai di PDRM dan bahawa PDRM gagal menyiasat perkara itu dengan berkesan.



- b. Responden Ke-2 secara terbuka telah mengumumkan bahawa ia akan menubuhkan Pasukan Petugas untuk meneliti penemuan tersebut.
- c. Responden Ke-2 juga mengumumkan secara terbuka pelantikan anggota-anggota Pasukan Petugas.
- d. Oleh itu Responden Ke-2 merepresentasikan kepada Pemohon bahawa Laporan tersebut akan disediakan kepada orang ramai atau sekurang-kurangnya kepada beliau sebagai orang yang terlibat secara langsung.

#### **IV Relif-relif yang dipohon**

14. Pemohon memohon relif berikut:

14.1. Bahawa kebenaran hendaklah diberikan kepada Pemohon Aturan menurut Aturan 53 Kaedah 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk memohon semakan kehakiman bagi:

- a. Satu deklarasi bahawa Jadual kepada ARR atau mana-mana bahagian daripadanya adalah tidak berperlembagaan dan oleh itu terbatal dan tidak sah;
- b. Berbangkit dari itu, satu deklarasi bahawa kata-kata “apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan yang berhubungan dengannya” dalam takrifan “rahsia rasmi” di bawah seksyen 2, ARR dan seksyen 2A, ARR adalah tidak berperlembagaan dan oleh itu terbatal dan tidak sah;
- c. Satu deklarasi bahawa Laporan tersebut tidak termasuk dalam takrifan “rahsia rasmi” di bawah seksyen 2, ARR;



- d. Satu arahan bersifat certiorari untuk membatalkan keputusan Responden Pertama untuk menganggap Laporan tersebut sebagai “rahsia rasmi” di bawah ARR pada 14.09.2020 yang telah dimaklumkan kepada Pemohon pada 13.09.2021;
  - e. Satu arahan bersifat mandamus untuk memaksa Responden Kedua untuk melepaskan, menyerahkan atau mendedahkan Laporan tersebut kepada Pemohon dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh perintah ini; dan/atau
  - f. Relif sedemikian yang selanjutnya atau lain-lain yang dianggap adil menurut kuasa Mahkamah di bawah Perenggan 1 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964;
- 14.2 Bahawa Pemohon hendaklah dibenarkan untuk memfailkan affidavit-afidavit selanjutnya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pemohon untuk tujuan prosiding semakan kehakiman substantif di sini;
- 14.3 Kos mengenai dan bersampingan dengan permohonan ini hendaklah dijadikan kos dalam kausa; dan/atau
- 14.4 Sebarang perintah lanjutan dan/atau lain-lain perintah yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah Yang Mulia ini dan/atau sebaliknya wajar.

## **V Kesimpulannya**

15. Pemohon menegaskan bahawa perkara di atas menyediakan asas dari segi undang-undang dan/atau fakta untuk Mahkamah Yang Mulia ini memberikan relif yang dipohon di sini.



Butir-butir lanjut mengenai perkara-perkara di atas adalah seperti yang dinyatakan dalam afidavit oleh **NORHAYATI BINTI MOHD ARIFFIN (NO. K/P: 730225-10-5992)** yang difailkan di sini bagi menyokong Permohonan tersebut.

Bertarikh pada 9 Disember 2021

*Surendra Ananth*

.....  
Tetuan Surendra Ananth  
Peguamcara bagi Pemohon

**PERNYATAAN MENURUT ATURAN 53 KAEDAH 3(2), KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH 2012** ini difailkan oleh Tetuan Surendra Ananth, peguamcara bagi Pemohon yang dinamakan di atas dengan alamat untuk penyampaian di No.4, Dalamann Tunku, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur.

No. Tel.: +603 6211 3883 No. Faks: +603 6211 0883  
E-mel: surendra@surendraananth.com



# PETERJEMAHAN / TRANSLATION



S/N 8PrkGUfukW6mx04EeJkKA

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR**  
**(BAHAGIAN RAYUAN DAN KUASA-KUASA KHAS)**  
**PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO. \_\_\_\_\_**

Dalam perkara laporan atau pengesyoran yang disediakan oleh Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia;

Dan

Dalam perkara Artikel-Artikel 5, 8 dan 10 Perlembagaan Persekutuan;

Dan

Dalam perkara Akta Rahsia Rasmi 1972;

Dan

Dalam perkara Seksyen 25(2) dan/atau Jadual, Akta Mahkamah Kehakiman 1964;

Dan

Dalam perkara Aturan 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan/atau bidang kuasa sedia ada Mahkamah;

Antara

**NORHAYATI BINTI MOHD ARIFFIN**

**(NO. K/P: 730225-10-5992)**

**...PEMOHON**

Dan

**1. MOHD RUSSAINI BIN IDRUS**

**(NO. K/P: 770330-09-5163)**

**2. KERAJAAN MALAYSIA**

**...RESPONDEN-RESPONDEN**



S/N 8PrkGUfukW6mx04EeJkKA

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal



---

**STATEMENT PURSUANT TO ORDER 53 RULE 3(2), RULES OF  
COURT 2012**

---

**I Introduction**

1. The Applicant is a citizen of Malaysia with an address of service at C33, Jalan Padang Behor, 01000 Kangar, Perlis. She is the wife of Amri Che Mat (“**Amri**”).
2. The 1<sup>st</sup> Respondent is the Secretary of the Police Force Commission.
3. The 2<sup>nd</sup> Respondent is the Government of Malaysia.

**II Material facts**

4. On 18.11.2019, the Applicant filed a claim by way of Kuala Lumpur High Court Civil Suit No. WA-21NCvC-79-11/2019 against a number of public officers and the Government of Malaysia (the “**Civil Suit**”).
  - 4.1. The claim centers on the failure of the named Defendants in the Civil Suit to effectively investigate the abduction of Amri which happened close to midnight on 24.11.2016.
  - 4.2. The particulars and details of the shortcomings in the investigation conducted by the Defendants are set out in paragraph 42 of the Statement of Claim which is exhibited in the Applicant’s Affidavit in Support of this judicial review application.



5. Prior to the filing of the claim, the Human Rights Commission of Malaysia (“**SUHAKAM**”) had commenced an inquiry on Amri’s abduction pursuant to section 12 of the Human Rights Commission of Malaysia Act 1999 (the “**SUHAKAM Inquiry**”). The said inquiry concluded on 06.03.2019.
  
6. On 03.04.2019, SUHAKAM issued its decision on the public inquiry (the “**SUHAKAM Report**”). SUHAKAM in effect came to the conclusion that on the evidence made available to it, it was more probable than not that Amri had been made the subject of an enforced abduction by the Special Branch unit of the Malaysian Royal Police (“**PDRM**”). SUHAKAM also concluded that PDRM had failed to effectively investigate the matter.
  
7. On or about 23.05.2019, upon the release of the SUHAKAM Report, Minister of Home Affairs (the “**Minister**”) announced that the 2<sup>nd</sup> Respondent had decided to set up a special task force to investigate the matters stated in the SUHAKAM Report (the “**Task Force**”).
  - 7.1. On 26.06.2019, the Minister announced the 6 members of the Task Force.
  
  - 7.2. On 02.07.2019, the Minister announced that one of the members of the Task Force, Datuk Mokhtar Mohd Noor, voluntarily pulled out of the Task Force.
  
  - 7.3. On 10.07.2019, the 20<sup>th</sup> Defendant announced the appointment of two new members into the Task Force.
  
  - 7.4. On 10.12.2019, SUHAKAM announced that it was still waiting for the report from the Task Force (the “**Report**”) which it was informed would have been done by then.
  
  - 7.5. On 16.01.2020, the Minister announced that the Task Force requested for more time to complete the Report. He said the Report would be ready in a month and submitted to him.



- 7.6. On 30.08.2020, SUHAKAM called on the 2<sup>nd</sup> Respondent to make public the Report.
- 7.7. The 2<sup>nd</sup> Respondent did not publicly respond to this request.
8. On 25.05.2021, the Applicant filed a discovery application pursuant to Order 24, Rules of Court 2012 in the Civil Suit for the Report to be disclosed to her.
- 8.1. The Defendants in the Civil Suit filed their Affidavit in Reply on 13.09.2021 (the “**AIR**”).
- 8.2. The AIR was affirmed by the 1<sup>st</sup> Respondent. For the first time, the 2<sup>nd</sup> Respondent took the position that the Report was an official secret under the Official Secrets Act 1972 (“**OSA**”).
- 8.3. The 1<sup>st</sup> Respondent in the AIR did not state the basis on which the Report was, according to the 1<sup>st</sup> Respondent, an official secret. However, the 1<sup>st</sup> Respondent averred that if the Report is disclosed to the public, it would be against national interest.
- a. It was not asserted that the Report had been classified pursuant to section 2B, OSA by a public officer certified under that section, nor was it asserted that the Report was to be deemed an official secret by reason of the Report falling within the ambit of the Schedule, OSA.
- b. The 1<sup>st</sup> Respondent did not state in the AIR that he is a public officer certified under section 2B of the OSA. No certificate was adduced under section 16A of the OSA certifying the Report as an official secret.
- 8.4. In support, the 1<sup>st</sup> Respondent merely exhibited one page from a “Buku Daftar Surat-Rahsia Rasmi di Luar Jadual/Bawah Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972” (the “**Register**”). The page states that the 1<sup>st</sup> Respondent had



classified the Report as “Sulit” on 14.09.2020. The said page further does not shed any light on the basis of the classification.

- 8.5. It can be inferred from the AIR that the Report was deemed an official secret under the Schedule.
- 8.6. The Defendants in the Civil Suit did not take the position that the Report was irrelevant. The 2<sup>nd</sup> Respondent here is the 21<sup>st</sup> Defendant in the Civil Suit.
9. The Applicant is adversely affected by the decision of the Respondents to treat the Report as an official secret within the meaning of the OSA. The fact of their treating the Report as such was only communicated to the Applicant on 13.09.2021 through the AIR.
10. The Report contains information that is relevant to the matters arising in the Civil Suit and further contains information that is undeniably in the public interest. It was prepared by the Task Force to record the findings of an enquiry into the findings made by SUHAKAM in the SUHAKAM Report.
  - 10.1. In the said report, SUHAKAM found that the Applicant’s husband was abducted by agents of the state and that PDRM had failed to effectively investigate the matter.
  - 10.2. The Civil Suit concerns PDRM’s failure to effectively investigate the abduction of the Applicant’s husband. The information in the Report is highly relevant.
  - 10.3. The Applicant should thus have access to the Report as it concerns the conduct of PDRM in relation to matter surrounding the disappearance of her husband. This is essential to her claim in the Civil Suit and is integral to her access to justice, a right guaranteed under Articles 5 and 8, Federal Constitution.



### III Grounds of challenge

#### *A. Constitutionality of the Schedule to the OSA*

11. The Applicant contends that the Schedule to the OSA or any part thereof is unconstitutional as it infringes Article 10(1)(a) of the Federal Constitution.

#### The framework under the OSA

11.1. The term “official secret” was only introduced in the OSA by way of the Official Secret (Amendment) Act 1976 (the “**Amending Act**”) which came into force on 01.01.1987.

- a. Prior to the coming into force of the Amending Act, the OSA did not contain the phrase “official secret”.
- b. It was an offence to, amongst others, take any document (as defined in section 2) from a “prohibited place”. A “prohibited place” is defined in section 2.

11.2. With the coming into force of the Amending Act, the term “official secret” was introduced in section 2 along with a few other provisions and the Schedule.

- a. There are two categories of documents that fall under the definition of “official secret” in section 2.
- b. The first category is any document specified in the Schedule and any information and material relating thereto. The Schedule provides:



*“Cabinet documents, records of decisions and deliberations including those of Cabinet committees;*

*State Executive Council documents, records of decisions and deliberations including those of State Executive Council committees;*

*Documents concerning national security, defence and international relations.”*

- c. The second category are documents classified as "Top Secret", "Secret", "Confidential" or "Restricted" by a Minister, Chief Minister of a State or any public officer certified under section 2B.
- d. Section 30A was introduced to empower the Minister to make regulations to, amongst others, prescribe the manner of classifying information, documents and other materials.
- e. To date, no regulations have been made by the Minister. There is no prescribed process on how documents are classified as an “official secret” under the Schedule.

#### The right to information

- 11.3. The right to information is a constitutionally guaranteed right under Article 10(1)(a) of the Federal Constitution. It falls within the scope of the right to freedom of expression.
- 11.4. As such, it can only be restricted on the grounds specified in Article 10(2)(a) which includes the interests and security of the Federation and friendly relations with other countries.



First two paragraphs in the Schedule

11.5. The first two paragraphs in the Schedule do not relate to any of the enumerated grounds in Article 10(2)(a) of the Federal Constitution.

- a. The Cabinet and State Executive Council comprise of members who are elected by citizens.
- b. The Cabinet and State Executive Council are accountable to Parliament and the respective State Legislative Assemblies.
- c. Members of the Cabinet and State Executive Council are fiduciaries of the public and hold their power in trust for the benefit of the public.
- d. There is no basis in law and/or fact to classify all documents, records of decisions and deliberations of the Cabinet and State Executive Council as official secrets.
- e. The public has a right to know of such matters in a participatory democracy. Even if there is basis to classify some documents, records of decisions and deliberations of the Cabinet and State Executive Council as official secrets, a blanket prohibition in the manner set out in the Schedule is disproportionate.

11.6. In any event, they are vague and ambiguous, and therefore offend the doctrine of vagueness and as such contravene Articles 5 and/or 8 of the Federal Constitution.

- a. It is a criminal offence to, amongst others, obtain or supply an official secret and have in possession an official secret.
- b. The definition of an “official secret” must therefore be precise and certain with no room for ambiguity.



- c. Paragraphs 1 and 2 of the Schedule are vague and does not give fair notice to persons as to what documents would fall under the said paragraphs.
- d. There is no prescribed process for classifying or certifying documents as an official secret under the Schedule.

Third paragraph of the Schedule

- 11.7. The third paragraph is vague and therefore offend Articles 5 and/or 8 of the Federal Constitution. It does not give fair notice to persons as to what documents would fall under the said paragraph.
  - 11.8. There is no prescribed process for classifying or certifying a document as one that concerns “national security, defence and international relations”.
  - 11.9. A blanket prohibition without any safeguards is disproportionate.
12. Consequentially, the words “any document specified in the Schedule and any information and material relating thereto” in the definition of “official secret” under section 2, OSA and section 2A are also unconstitutional.

***B. The Report is not an official secret***

- 13. Further and/or alternatively, and without derogating from the arguments above, the Report is not an “official secret” under the OSA.
  - 13.1. Even if the Schedule is valid (which is denied), the Report does not fall under any of the categories in the Schedule.





- a. In the AIR, the 1<sup>st</sup> Respondent averred that if the Report is disclosed, it would offend national security.
  - b. The Report concerns: first, the conduct of public officers of PDRM and the manner in which they carried out their duties in relation to the abduction of Amri; and second, the involvement of PDRM officers in the said abduction.
  - c. These are matters of public interest especially in light of the findings made by SUHAKAM in the SUHAKAM Report.
  - d. Further, the 2<sup>nd</sup> Respondent itself publicly announced the setting up of the Task Force and the appointment of its members. The 2<sup>nd</sup> Respondent therefore implicitly accepted that the Report is of public interest.
- 13.2. In the event the Report was classified as “Sulit” under section 2B, OSA, the Report is outside the scope of the said section.
- a. The said section cannot be read in a manner that gives the Minister, Chief Minister or an appointed public officer an absolute discretion in classifying documents.
  - b. Paragraph 13.1 above is repeated. There is no basis in law and/or fact to classify the Report as “Sulit”. The Report does not concern national security.
- 13.3. For the reasons stated above, the 1<sup>st</sup> Respondent’s decision to treat the Report as “Sulit” is illegal, irrational and/or disproportionate.



- 13.4. Further, the Applicant has a legitimate expectation that the Report will be disclosed to her.
- a. The SUHAKAM Report revealed that her husband was abducted by officers in PDRM and that PDRM failed to effectively investigate the matter.
  - b. The 2<sup>nd</sup> Respondent publicly announced that it would set up the Task Force to look into the said findings.
  - c. The 2<sup>nd</sup> Respondent also publicly announced the appointment of the Task Force members.
  - d. The 2<sup>nd</sup> Respondent therefore represented to the Applicant that the Report would be made available to the public or at the very least to her as a person directly affected.

#### **IV Reliefs sought**

14. The Applicant is seeking the following relief:
- 14.1. That leave be granted to the Applicant pursuant to Order 53 Rule 3 of the Rules of Court 2012 to apply for judicial review for:
- a. A declaration that the Schedule to the OSA or any part thereof is unconstitutional and therefore null and void;
  - b. Consequentially, a declaration that the words “any document specified in the Schedule and any information and material relating thereto” in the definition of “official secret” under section 2, OSA and section 2A, OSA are unconstitutional and therefore null and void;



- c. A declaration that the Report does not fall within the definition of an “official secret” under section 2, OSA;
  - d. A direction of the nature of certiorari to quash the decision of the 1<sup>st</sup> Respondent to treat the Report as an “official secret” under the OSA on 14.09.2020 which was communicated to the Applicant on 13.09.2021;
  - e. A direction of the nature of mandamus to compel the 2<sup>nd</sup> Respondent to release, provide or disclose the Report to the Applicant within seven (7) days from the date of this order; and/or
  - f. Such further or other relief as is considered just pursuant to the powers of the Court under Paragraph 1 of the Schedule to the Courts of Judicature Act 1964;
- 14.2. That the Applicant be permitted to file further affidavits as the Applicant considers necessary for the purposes of the substantive judicial review proceedings herein;
- 14.3. Costs of and incidental to this application be costs in the cause; and/or
- 14.4. Any further and/or other order this Honourable Court deems fit and/or otherwise appropriate.

## **V Conclusion**

15. The Applicant contends that the foregoing provides basis in law and/or fact for this Honourable Court to grant the relief sought herein.



Further details of the foregoing are as set out in the affidavit of **NORHAYATI BINTI MOHD ARIFFIN (NRIC NO.: 730225-10-5992)** filed herein in support of the Application.

Dated this 9<sup>th</sup> December 2021

*Surendra Ananth*

.....  
Messrs Surendra Ananth  
Solicitors for the Applicant

This **STATEMENT PURSUANT TO ORDER 53 RULE 3(2), RULES OF COURT 2012** is filed by Messrs Surendra Ananth, solicitors for the Applicant abovenamed with an address of service at No.4, Dalaman Tunku, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur.

Tel. No.: +603 6211 3883 Fax No.: +603 6211 0883  
E-mail: surendra@surendraananth.com

